

Dr. M bongkar orang di belakang kumpulan 11 mahu tubuh parti baru

ALUR SETAR 12 Mac
— Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan bahawa "orang - orang di belakang kumpulan 11" sedang berura - ura untuk menubuhkan sebuah parti baru dengan mencari orang - orang Melayu yang tidak puas hati untuk menjadi ahli - ahlinya.

Perdana Menteri mendakwa, tujuan golongan tersebut semata - mata untuk memecah-belahkan orang - orang Melayu dan menjadikan orang Melayu di negara ini "pecah dua supaya kita jadi lemah."

"Bila kita jadi lemah, mereka boleh jual kita. Inilah tujuan mereka," tegas Presiden UMNO (baru) itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyifatkan orang - orang seperti itu mempunyai niat yang tidak baik dan sedang berusaha untuk menghancurkan UMNO (baru) ini.

Menurutnya, dalam kempen kononnya untuk menubuhkan parti baru itu mereka akan menjelajah ke merata tempat dengan bertanyakan sama ada diterima masuk menjadi ahli UMNO (baru) menimbulkan soal team 'B' dan tidak dipilih jadi ketua cawangan.

Mendedahkan rancangan ini di depan lebih 5,000 orang penyokong yang disifatkan sebagai peminat - peminat UMNO (baru) dari seluruh Kedah di Dewan Datuk Syed Omar di sini malam tadi, presiden penaja UMNO (baru) itu berkata bahawa yang penting UMNO ditubuh dan orang - orang Melayu disatupadukan.

Katanya, "kita berjuang dalam UMNO bukan untuk kepentingan diri, siapa jadi pemimpin pun tak apa asalkan kita jalankan dasar - dasar parti."

"Asalkan kita kekal sebagai satu pertubuhan yang menyatupadukan orang - orang Melayu, asalkan kita dapat mengadakan pertubuhan UMNO ini yang boleh menolong orang - orang Melayu, boleh membentuk kerajaan yang memerintah dengan adil dan saksama, membangunkan ekonomi dan sebagainya."

Datuk Sri Dr. Mahathir menyebut itulah yang dikehendaki, bukan dengan mengenakan syarat mesti jadi ketua bahagian baru hendak jadi ahli UMNO (baru).

"Tak bolehlah macam itu, siapa jadi ketua bahagian pun tak apa," tambah beliau.